

KAJIAN HUBUNGAN KAUM DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH PEMBANGUNAN SOSIAL, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Rusimah Sayuti¹

Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah²

Prof. Madya Datin Hajah Salma Ishak³

Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah

e-mail : rusimah @uum.edu.my

Tel : 9283889

ABSTRAK

Perpaduan antara seluruh warga masyarakat menjadi tonggak kepada keberhasilan dan keharmonian sesuatu negara. Negara kita Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik/kaum, oleh itu untuk memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan yang aman damai, perpaduan antara warganya yang berbilang kaum tadi harus terus dipupuk dan dibajai agar ia tidak bergelora sehingga menyebabkan kepada kemusnahan negera bangsa. Untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia perlulah bermula dari akar umbinya termasuklah pelajar di universiti yang merupakan calon golongan elit yang bakal menjadi pewaris kepada peneraju negara pada masa akan datang kelas. Oleh itu satu tinjauan awal dilakukan agar gambaran sebenar dapat diperolehi melalui kajian ini yang mengemukakan persoalan kajian (1) bagaimanakah suasana/iklim interaksi antara kaum di kalangan pelajar Universiti (2) bagaimanakah tahap keselesaan dalam menjalin hubungan antara kaum di kalangan pelajar di dalam kampus (3) apakah kecenderungan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum dalam persekitaran kampus tempat di mana mereka menuntut ilmu dan tinggal untuk suatu jangkamasa yang agak panjang iaitu sekurang-kurangnya selama tiga tahun dah; (4) adakah wujud hubungan antara suasana/iklim interaksi, tahap keselesaan dalam menjalin hubungan dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum. Satu kajian lapangan dilakukan dan pengumpulan data berdasarkan kaedah borang soal selidik digunakan. Sampel kajian adalah pelajar SPS tahun ke 3 yang telah menempuh kehidupan di kampus selama lebih 2 tahun. Sebanyak 836 borang soal selidik yang lengkap diisi dianalisis menggunakan program SPSS. Dapatkan kajian menunjukkan kecenderungan suasana/iklim interaksi yang lebih positif menunjukkan peratusan yang lebih tinggi. Dari segi tahap keselesaan dalam menjalin hubungan antara kaum di kalangan pelajar di dalam kampus berada dalam keadaan yang sederhana. Pelajar menunjukkan kecenderungan untuk memberikan persepsi yang positif terhadap hubungan antara kaum dalam persekitaran kampus. Dapatkan kajian menunjukkan suasana/interaksi antara kaum mempunyai hubungan yang positif dengan tahap keselesaan dalam menjalin hubungan antara kaum dan persepsi hubungan antara kaum. Dicadangkan supaya program-program yang boleh menghangatkan suasana/iklim interaksi antara kaum dapat diperbanyak agar dapat membentuk suatu kehidupan yang harmoni di dalam kampus dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan di luar sana.

¹Pensyarah di Jabatan Kerja Sosial FPSM, UUM

²Pensyarah di Jabatan Pengajian Antarabangsa FPA, UUM

³Prof. Madya di Jabatan Kerja Sosial FPSM, UUM

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum (*plural society*). Ia wujud hasil impak daripada zaman penjajahan kolonial British yang telah melakukan campurtangan dalam struktur sosio-politik masyarakat Melayu tradisi. Di samping itu kewujudan masyarakat majmuk di negara ini adalah berpunca dari faktor migrasi golongan masyarakat khususnya dari Tanah Besar China dan India yang menjadi sumber buruh kepada pihak Inggeris untuk mengerjakan kegiatan perlombongan bijih timah dan pengeluaran getah di Tanah Melayu. Mengikut pandangan Furnivall (1948), konsep masyarakat majmuk merujuk kepada masyarakat yang dicirikan dengan perpecahan tetapi dalam masyarakat majmuk perbezaan yang wujud dari segi ras dan etnik itu selari dengan perbezaan ekonomi sehingga ketegangan dan ketidakstabilan lebih mudah berlaku.

Oleh hal demikian, soal perpaduan dan hubungan di antara kaum merupakan agenda penting negara dalam memastikan kestabilan politik sentiasa terjamin. Kajian hubungan kaum di kalangan pelajar institut pengajian tinggi adalah penting bagi mengenalpasti situasi integrasi nasional pada masa kini. Integrasi nasional penting kerana ia akan menentukan sentimen perkauman yang boleh merobohkan benteng perpaduan sebagaimana yang telah berlaku pada 13 Mei, 1969. Nilai perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum harus dipertahankan agar ia dapat mengekalkan keharmonian kaum. Oleh itu untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia perlulah bermula dari akar umbinya termasuklah pelajar di universiti yang merupakan calon golongan elit yang bakal menjadi pewaris kepada peneraju negara pada masa akan datang kelak. Maka tinjauan awal perlulah dilakukan agar gambaran sebenar dapat diperolehi bagi merangka strategi yang bersesuaian dalam pembangunan bangsa Malaysia.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti suasana/iklim interaksi antara kaum di kalangan mahasiswa
2. Mengenalpasti tahap keselesaan dalam menjalin hubungan antara kaum di kalangan pelajar di dalam kampus
3. Meneliti kecenderungan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum dalam persekitaran kampus
4. Mengenalpasti hubungan antara suasana/iklim interaksi antara kaum, tahap keselesaan berinteraksi antara kaum dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum.

Konsep Hubungan Kaum

Konsep hubungan kaum berkaitan dengan interaksi di kalangan kelompok kaum dalam satu jangka masa tertentu. London berpendapat bahawa integrasi kaum menjurus kepada interaksi dan hubungan di antara kumpulan minoriti dan masyarakat utama yang akhirnya mebawa kepada penyebatan budaya tanpa menjelaskan identiti kebudayaan seseorang individu. (London dalam Somerland, 1970:24) Interaksi kaum dirujuk sebagai satu hubungan antara dua sistem yang terjadi sedemikian rupa sehingga kejadian yang berlangsung pada sesatu sistem akan mempengaruhi kejadian yang berlaku kepada sistem yang lain. Ia juga merupakan satu pertalian sosial antara individu sehingga mereka saling pengaruh dan mempengaruhi antara satu sama lain. (Chaplin, 1985)

Dalam kajian ini, hubungan kaum di kalangan responden dirujuk kepada interaksi sosial individu di kampus. Interaksi sosial ialah satu proses yang melibatkan perhubungan antara dua atau lebih individu atau kelompok. Ia melibatkan tindakan saling balas membala dalam erti kata tingkah laku individu diambil kira atau diorientasikan ke arah tingkah laku individu lain dan saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama yang lain. Interaksi sosial ini dirujuk kepada perhubungan di antara kaum dari etnik Melayu dan bukan Melayu di dalam kampus. Antara aktiviti yang dilihat merangkumi aktiviti

perbincangan tutorial, penglibatan dalam persatuan, aktiviti sukan, kebudayaan dan hubungan personal seperti memilih rakan untuk berbincang soal peribadi atau agama.

Suasana/iklim interaksi digambarkan sebagai rentak suasana hubungan antara sistem atau individu, kelompok, organisasi yang terdapat di dalam komuniti atau masyarakat yang saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Ia bagi memperjelaskan tentang keharmonian yang berlaku di dalam kelangsungan hubungan.

Keselesaan Interaksi Merupakan suatu perasaan kesenangan dan kepuasan perasaan yang diperolehi hasil daripada aktiviti fizikal yang releks dan bebas dari kesakitan serta tidak mengalami sesuatu yang mengecewakan. Oleh itu keselesaan interaksi adalah menggambarkan tentang kesenangan dan tanpa kerisauan individu untuk menjalin hubungan dengan individu lain atau kelompok, organisasi dan komuniti.

Ulasan Karya

Rabushka (1973) melihat perbezaan perwatakan kaum di kalangan penduduk kota metropolitan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang rata-ratanya diduduki oleh kaum Cina. Manakala penduduk kaum Melayu majoritinya mendominasi di kawasan luar bandar dan sebahagian sahaja yang mendiami kawasan bandar. Dalam kajian tingkah laku sosial di kawasan bandar-bandar utama, didapati bahawa kaum Cina boleh meluangkan masa yang banyak dalam aktiviti membeli belah, bersiar-siar mahupun jamuan. Fenomena ini agak berbeza dengan masyarakat Melayu yang tidak begitu ghairah menghabiskan masa di kawasan pusat membeli belah mahupun makan di restoran-restoran. Dari aspek *ethnosentrism* pula didapati bahawa kaum Cina di kawasan bandar lebih bersikap *ethnosecentric* berbanding masyarakat Melayu. Mereka lebih mengutamakan kegiatan sesama kaum dan memartabatkan budaya mereka kerana di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur mahupun Pulau Pinang menyukarkan mereka menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kaum Melayu mahupun mercu-mercu tanda keMelayuan seperti Masjid Negara, Muzium Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagainya.

Dalam aspek toleransi, kajian menunjukkan bahawa segelintir kaum Melayu sahaja yang menyatakan kesanggupan mereka untuk makan bersama dengan kaum Cina. Ini disebabkan oleh faktor agama yang menjadi jurang dalam konteks *social distance*. Dalam soal perkahwinan campur pula didapati bahawa masing-masing agak kurang toleransi dalam aspek tersebut. Secara keseluruhannya didapati masyarakat Cina di bandar Pulau Pinang dan Kuala Lumpur tidak mempunyai masalah dan lebih toleransi dalam konteks kesanggupan mereka untuk makan, kerja mahupun tinggal bersama dengan kaum Melayu. Dalam aspek stereotaip pula, kaum Melayu melihat orang-orang Cina sebagai cerdik, bercita-cita tinggi, aktif, sopan dan bersih. Kaum Cina pula menggambarkan orang-orang Melayu sebagai bersih, kurang bercita-cita, aktif, sopan dan cerdik.

Kajian Ibrahim Saad (1980) agak menarik kerana ia banyak menumpukan kepada soal mengenalpasti tahap penghayatan identiti nasional di kalangan pelajar pelbagai kaum. Kajian yang dilakukan oleh beliau turut menggunakan model pelajar sebagai pengukur atau indikasi dalam usaha mencari identiti-identiti yang boleh diklasifikasikan sebagai identiti nasional. Kajian beliau dilakukan keatas para pelajar sekolah menengah yang terpilih di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa pelajar di kawasan luar bandar tinggi dari segi iltizam mereka terhadap mengenali item-item nasional berbanding pelajar di kawasan bandar.

Dalam kajian Abdullah Taib (1984) menyatakan bahawa kebanyakan kajian hubungan etnik menunjukkan faktor interaksi berkait rapat dengan kadar integrasi. Kadar integrasi dalam satu-satu komuniti ditentukan oleh faktor sama ada ahli-ahli komuniti itu berpeluang untuk berinteraksi dengan ahli-ahli kaum lain. Menurut beliau para pelajar yang berada di kampus mempunyai peluang dan

kebebasan untuk bercampur gaul antara satu sama yang lain. Sekiranya para pelajar tidak menggunakan peluang yang sedia ada untuk berhubung dengan kaum lain, maka ia berkemungkinan mewujudkan jurang dan polarisasi kaum di kampus.

Kajian Abdullah Taib (1984) di tiga buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) adalah berkenaan kadar interaksi di kalangan pelajar pelbagai kaum. Beliau mendapati bahawa darjah interaksi adalah tinggi hanya wujud di kalangan sesama etnik (intra-ethnic) jika dibandingkan dengan kadar interaksi antara etnik (inter-ethnic). Keadaan terjadi disebabkan para pelajar menziarahi rakan-rakan bertujuan untuk membuat perbincangan pelajaran atau menyiapkan tugas. Pelajar-pelajar bukan Melayu mengunjungi teman Melayu adalah untuk memperbaiki eseai ataupun catatan nota kuliah. Kajian juga menunjukkan para pelajar kurang meminta nasihat atau pertolongan kerana ia melibatkan nilai emotif yang tinggi dan sukar dibincangkan dengan rakan etnik yang lain. Polarisasi etnik nyata wujud di kalangan pelajar apabila didapati sebilangan besar pelajar Melayu tidak mengunjungi bilik kaum Cina dan India. Mereka lebih suka mengunjungi bilik sesama etnik.

Sanusi Osman (1989) dalam kajiannya terhadap polarisasi kaum di institusi pengajian tinggi telah menggariskan beberapa masalah polarisasi di kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi. Antaranya;

- i.) Darjah interaksi antara pelajar berbagai etnik adalah rendah walaupun terdapat banyak peluang-peluang untuk berinteraksi sesama mereka di kampus.
- ii.) Terdapat kecenderungan untuk memilih sahabat atau kawan dari anggota etnik yang sama.
- iii.) Kurang perbincangan secara terbuka dan serius di kalangan pelajar pelbagai etnik mengenai soal politik, ekonomi dan sosial.
- iv.) Terdapat prasangka dan stereotaip yang kuat.
- v.) Sebahagian besar daripada pelajar mempunyai etnosentrism yang tinggi.
- vi.) Banyak kegiatan pelajar yang dijalankan adalah mengikut garis etnik bukan merentas garis etnik.

Kajian yang dilakukan oleh Sanusi Osman ini mendapati bahawa kebanyakan kegiatan yang melibatkan peluang-peluang interaksi para pelajar tidak mendorong kepada hubungan mahupun pergaulan yang lebih luas. Ini disebabkan para pelajar lebih cenderung untuk melakukan kegiatan sesama etnik. Antara faktor-faktor yang mendorong kepada wujudnya masalah polarisasi adalah disebabkan oleh masalah pelajar dan institusi universiti yang akhirnya membawa kepada *social sanction*. Kedua; masalah struktur dan perkembangan masyarakat yang membawa isu-isu kepentingan kaum-kaum tertentu. Ketiga; masalah sistem politik dan ekonomi iaitu para pelajar di institusi pengajian tinggi banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur politik luaran yang akhirnya mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan jarang memikirkan strategi ke arah memupuk hubungan kaum yang lebih rapat di kalangan pelajar pelbagai kaum.

Dalam kajian Mansor Mohd. Noor dan rakan-rakan (2001) tahap atau darjah etnik seseorang individu itu akan menentukan tingkahlakunya dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak. Individu yang tebal batas etniknya akan mengutamakan perkiraan etnik di dalam tingkahlakunya. Berbeza dengan individu yang nipis atau pupus batas etniknya akan mengutamakan perkiraan bersifat non-etnik hingga boleh berhubungan dengan individu-individu lain berdasar silang kumpulan. Dalam suasana sosial berbentuk ini, masyarakat lebih bersifat bersatu padu dan harmoni. Berlainan jika batas etnik itu tebal, individu hanya berhubungan dengan individu lain berdasarkan persamaan etnik hingga wujud masyarakat plural; terpisah, terasing dan masing-masing berada dalam kotak masing-masing tanpa diikat oleh nilai yang dikongsi bersama.

Metod Kajian

Kajian dilakukan secara kuatitatif dengan membuat analisis deskriptif dengan maksud untuk membuat gambaran awal mengenai suasana/iklim interaksi antara kaum di dalam kampus, melihat tahap keselesaan berinteraksi antara pelbagai etnik/kaum dikalangan mahasiswa dan gambaran tentang persepsi mahasiswa terhadap hubungan antara kaum di dalam kampus. Selain daripada itu mempelajari secara terperinci interaksi antara ketiga-tiga pembolehubah yang dikaji.

Kajian ini dijalankan di Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Populasi kajian adalah pelajar Program Ijazah Sarjana Muda, yang berada pada semester ke 5 dan ke atas. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan (purposive sampling). Sebanyak 836 borang soal selidik yang lengkap diisi telah diproses untuk penganalisaan data.

Borang soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian 1 berkait dengan demografi, Bahagian 2 ialah mengenai iklim/suasana interaksi antara kaum, Bahagian 3 tentang keselesaan interaksi antara kaum dan Bahagian 4 meliputi soalan tentang persepsi hubungan antara kaum. Soalan berkaitan suasana/iklim interaksi antara kaum dan keselesaan interaksi antara kaum diubahsuai dari kajian yang dilakukan oleh Mack dan Tucker (1997) dalam kajian mereka tentang “*Interethnic Relations on Campus: Can't We All Get Along?*” Manakala soalan berkaitan dengan persepsi pelajar menggunakan borang soalselidik yang telah digunakan oleh Salma Ishak (1997) dalam kajian tentang “Persepsi hubungan di kalangan pelajar universiti terhadap tiga kaum utama”. Pengukuran yang digunakan untuk ketiga-tiga pembolehubah adalah skala Likert dengan pembolehubah suasana/iklim interaksi dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum menggunakan skala Likert julat dari sangat tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5) dan pembolehubah keselesaan berinteraksi antara kaum dari julat sangat tidak selesa (1) hingga sangat selesa (5).

Data yang diperolehi hasil dari borang soal selidik dianalisa dengan menggunakan program SPSS berdasarkan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Min setiap item dan sisihan piawai digunakan untuk menjelaskan tentang fenomena item kajian secara terperinci. Disamping itu hasil dari lima skala Likert yang digunakan untuk mengukur suasana/iklim interaksi dan persepsi hubungan antara kaum telah dibahagikan kepada tahap penskoran untuk melihat kecenderungan secara deskriptif sama ada ke arah yang positif atau negatif. Manakala tahap keselesaan interaksi antara kaum juga telah dibahagikan tahap penskoran untuk membuat analisis secara deskriptif kepada tahap rendah, sederhana dan tinggi. Ujian *korelasi Pearson* digunakan bagi mengkaji perhubungan antara tiga pembolehubah yang dikaji iaitu hubungan antara suasana/iklim interaksi antara kaum, tahap keselesaan berinteraksi antara kaum dan persepsi terhadap hubungan antara kaum.


Jadual 1: Profil Responden

			Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki		236	28.2
	Perempuan		600	71.8
Bangsa	Melayu		545	65.2
	Bumiputera sabah/sarawak		58	6.9
	Cina		191	22.8
	India		33	3.9
	Lain-lain		9	1.1
Agama	Islam		577	69.0
	Buddha		172	20.6
	Hindu		31	3.7
	Kristian		53	6.3
	Lain-lain		3	.4
Umur	20-24 Tahun		750	89.7
	25-29 Tahun		72	8.6
	> 30 Tahun		14	1.7
Tempat Asal	Bandar		334	40.0
	Luar bandar		502	60.0

Iklim/Suasana Interaksi Antara Kaum

Untuk memperlihatkan corak kecenderungan jawapan responden skala penskoran dibentuk. Penskoran dibuat bagi mengukur tahap kecenderungan suasana/iklim interaksi antara kaum sama ada lebih kepada positif atau negatif. Skala penskoran yang digunakan adalah 28 dan lebih (> 28) berkecenderungan suasana/iklim interaksi lebih positif 27 dan kurang daripada (< 27) berkecenderungan suasana/iklim interaksi lebih negatif.

Carta 1 :Skor Tahap Suasana/Iklim Interaksi Antara Kaum



Petunjuk :

Negatif = Skor kumpulan yang diperolehi 27 dan kurang


Positif = Skor kumpulan yang diperolehi 28 dan lebih

Hasil dari skala penskoran yang dibentuk untuk melihat kecenderungan suasana/iklim interaksi antara kaum menunjukkan situasi yang lebih positif (57%) mengatasi suasana/iklim interaksi yang lebih negatif yang menunjukkan peratusan sebanyak 43 %. Oleh itu suasana/iklim interaksi di dalam kampus adalah menunjukkan kecenderungan kepada keadaan yang positif.

Tahap Keselesaan Interaksi Antara Kaum

Untuk memperlihatkan corak kecenderungan jawapan responden skala penskoran dibentuk. Penskoran dibuat bagi mengukur tahap keselesaan interaksi antara kaum samada rendah, sederhana atau tinggi. Skala penskoran yang digunakan adalah 40 dan lebih (> 40) menunjukkan tahap keselesaan interaksi yang tinggi, skor 22 – 39 menunjukkan tahap keselesaan interaksi yang sederhana dan 21 dan kurang daripada 21 (< 21) menunjukkan tahap keselesaan interaksi yang rendah.

Carta 2 : Skor Tahap Keselesaan Interaksi Antara Kaum



Tahap Keselesaan Interaksi Antara Kaum

Petunjuk :

Rendah = Skor kumpulan yang diperolehi 21 dan kurang

Sederhana = Skor kumpulan yang diperolehi antara 22 – 39


Tinggi = Skor kumpulan yang diperolehi 40 dan lebih

Hasil daripada penskoran hanya 1 % sahaja daripada responden yang menyatakan tidak selesa dengan interaksi antara kaum di dalam kampus. Berbanding dengan 59 % berada pada tahap sederhana dan bakinya 40 % berada pada tahap keselesaan yang tinggi.

Persepsi Terhadap Hubungan Antara Kaum

Penskoran dibuat bagi mengukur persepsi hubungan antara kaum samada positif atau negatif. Skala penskoran yang digunakan adalah 35 dan lebih (> 35) menunjukkan persepsi yang positif, dan skor 34 dan kurang (< 34) menunjukkan persepsi yang negatif. Carta 3 memperlihatkan bahawa hanya 10 % sahaja daripada responden yang memberikan persepsi hubungan antara pelajar pelbagai kaum di dalam kampus UUM adalah negatif. Berbanding dengan 90 % lagi menyatakan persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus UUM adalah positif.

Carta 3 : Skor Tahap Persepsi Hubungan Antara Kaum



Petunjuk :

Negatif = Skor kumpulan yang diperolehi kurang daripada 34

Positif = Skor kumpulan yang diperolehi lebih daripada 35

Hubungan antara suasana/iklim interaksi, tahap keselesaan interaksi dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum

Kaedah statistik inferensi iaitu ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat perhubungan antara dua pembolehubah. Jadual 7 memperlihatkan dapatan kajian mengenai hubungan antara suasana/iklim interaksi, tahap keselesaan interaksi dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum. Jadual menunjukkan bahawa nilai r adalah 0.106 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = 0.108 : p < 0.01$) untuk pembolehubah suasana/iklim interaksi antara kaum dengan tahap keselesaan interaksi antara kaum. Manakala nilai r adalah 0.149 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = 0.149 : p < 0.01$) untuk pembolehubah suasana/iklim interaksi antara kaum dengan persepsi terhadap hubungan antara kaum di dalam kampus. Manakala nilai r adalah .251 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = .251: p < 0.01$) untuk pembolehubah tahap keselesaan berinteraksi antara kaum dengan persepsi antara kaum di dalam kampus.

Dengan itu terdapat hubungan yang positif yang signifikan untuk pembolehubah suasana/iklim interaksi antara kaum, tahap keselesaan interaksi antara kaum dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum. Ini bermakna suasana/iklim interaksi antara kaum yang positif akan memberikan tahap keselesaan berinteraksi antara kaum yang tinggi dan menunjukkan persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus yang positif. Begitu juga tahap keselesaan berinteraksi antara kaum yang tinggi menunjukkan

suasana/iklim interaksi antara kaum yang lebih positif dan persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus yang lebih positif juga. Begitu juga persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus yang positif menunjukkan tahap keselesaan berinteraksi antara kaum yang tinggi dan suasana/iklim interaksi antara kaum yang lebih positif.

Jadual 2 : Hubungan antara suasana interaksi, tahap keselesaan interaksi dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum

		Suasana/Iklim	Keselesaan	Persepsi
Suasana/Iklim	r	1	.106**	.149**
	p	.	.002	.000
	N	836	836	836
Keselesaan	r	.106**	1	.251**
	p	.002	.	.000
	N	836	836	836
Persepsi	r	.149**	.251**	1
	p	.000	.000	.
	N	836	836	836

Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01

Perbincangan

Dalam konteks menguji sifat suasana/iklim interaksi antara kaum di dalam kampus, item-item seperti kecenderungan untuk bergaul dengan kelompok etnik/kaum sendiri, pelajar dari kelompok etnik/kaum yang berbeza merasa tidak mudah untuk menjadi ahli kelompok kepada etnik/kaum yang lain dan item pengalaman saya sepanjang berada di kampus semakin bertambah dengan adanya interaksi dengan kelompok/kaum yang lain mempunyai nilai min melebihi daripada 3 atau kecenderungan bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini bermakna responden lebih cenderung memperlihatkan suasana/iklim interaksi dengan bergaul sesama kelompok etnik/kaum mereka sendiri. Responden juga menyatakan bahawa adalah tidak mudah untuk menjadi ahli kelompok kepada etnik/kaum yang berlainan daripada etnik/kaum mereka sendiri.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Mansor Mohd. Noor dan rakan-rakan (2001) mendapati bahawa hubungan silang etnik kerap berlaku di IPT. Etnik minoriti, Bumiputera Lain dan India, lebih berinteraksi dengan individu dari etnik lain. Mengikut urutan keutamaan, dewan kuliah, asrama, bilik tutorial, dan perpustakaan menjadi tempat perhubungan silang etnik di kalangan pelajar di IPT.

Manakala dalam item kolej kediaman berusaha untuk menghapuskan perkauman/ethnosentarism, responden bersetuju bahawa kolej kediaman di bawah pentadbiran universiti sentiasa berusaha untuk menghapuskan segala bentuk perkauman/ethnosentarism. Selain daripada itu responden juga bersetuju atau mengakui bahawa pengalaman mereka selama berada di universiti semakin bertambah dengan adanya peluang atau kesempatan berinteraksi dengan kelompok dari etnik kaum yang lain.

Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati bahawa kebanyakan responden menunjukkan kecenderungan merasa selesa dalam interaksi antara kaum kecuali item yang membincangkan tentang isu perkauman/ethnocentrism dengan etnik/kaum yang lain. Ini bermakna responden merasa tidak selesa untuk berbincang tentang isu perkauman/ethnocentrism dengan etnik/kaum yang lain. Responden turut kurang selesa dengan item mempunyai rakan sebilik dari etnik/kaum yang lain. Item-item yang menunjukkan kurangnya tahap keselesaan interaksi di antara kaum terutamanya isu perkauman/ethnocentrism dengan etnik/kaum yang lain dan mempunyai rakan sebilik dari etnik/kaum yang lain.

Kajian Abdullah Taib (1984) juga menunjukkan bahawa kadar interaksi di antara etnik di kalangan etnik Cina dan India adalah tinggi berbanding dengan etnik Melayu yang lebih tertumpu kepada etnik sendiri. Ini disebabkan masalah sikap etnosentrisme masih menebal, kebudayaan serta nilai dan norma yang berbeza. Dalam menilai tahap keselesaan interaksi di kalangan pelajar, didapati bahawa aktiviti-aktiviti seperti bertukar-tukar nota kuliah, buku teks dan eseи, bersukan, membincangkan hal sosio-politik menunjukkan hanya 19% responden Melayu yang melakukan aktiviti tersebut dengan etnik yang lain dan disusuli oleh etnik Cina sebanyak 28% dan India mencatatkan 23%. Keadaan menunjukkan etnik pelajar di universiti lebih cenderung untuk menjalankan aktiviti sesama etnik sendiri.

Berdasarkan hasil kajian Mansor Mohd. Noor dan rakan-rakan (2001), terdapat juga sedikit masalah berhubung dengan berkongsi bilik dengan rakan etnik yang lain. Didapati bahawa pelajar-pelajar Bumiputera lain dan India di IPT-IPT lebih bersedia untuk berkongsi bilik di asrama dengan etnik lain manakala pelajar Cina dan terutamanya, Melayu lebih senang untuk berkongsi bilik sesama etnik sendiri. Keadaan berbeza di Pelajar di IPTS, terutama pelajar India dan Cina, lebih berminat untuk berkongsi bilik dengan etnik lain jika dibandingkan dengan pelajar di IPTA. Kemauan untuk berkongsi sama bilik dengan etnik lain wujud di IPT. Mengikut urutan etnik dan keutamaan, pelajar India dan Bumiputera Lain didapati lebih bersedia dibandingkan dengan pelajar Cina dan Melayu. Lazimnya; pelajar di IPTS lebih berminat untuk kongsi bilik dengan etnik lain. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak begitu ketara kerana pada pandangan pengkaji secara keseluruhannya hasil dapatan menunjukkan norma sejagat lebih utama dari perkiraan etnik dan akhirnya memperlihatkan tingkahlaku seseorang individu itu dipengaruhi oleh batas etnik yang nipis atau pupus hingga terbina hubungan silang etnik di antara mereka.

Dalam kajian ini didapati tahap keselesaan interaksi di kalangan pelajar adalah baik berdasarkan item-item seperti berbual dengan etnik/kaum yang lain di dalam kampus, berbincang masalah peribadi dengan pensyarah/mentor/kaunselor dari etnik/kaum yang berbeza, menghadiri kuliah yang dihadiri oleh majoriti dari kaum yang lain, membuat temujanji dengan individu dari etnik/kaum yang lain, belajar bersama rakan dari etnik/kaum yang lain di dalam kelas, bersaing gred dengan pelajar dari etnik/kaum yang lain di dalam kelas, melakukan perbincangan di bilik asrama pelajar dari kaum/etnik yang lain dan mempunyai sahabat yang akrab dari etnik/kaum yang lain. Ini bermakna responden menyatakan selesa dan tidak ada masalah untuk berbual-bual dengan etnik/kaum lain di dalam kampus dan begitu juga mereka merasa selesa dalam bersaing gred.

Kebanyakan responden berpersepsi bahawa pelajar dari etnik/kaum yang berlainan boleh berkongsi atau bersedia untuk berkongsi nota-nota kuliah atau buku-buku. Begitu juga responden berpersepsi bahawa pelajar dari etnik/kaum yang berlainan mampu untuk memikul tanggungjawab sebagai ketua di dalam kerja kumpulan. Namun responden berpersepsi bahawa mereka tidak boleh terlalu mengharap dapat mentalaah pelajaran sebagai persediaan untuk peperiksaan bersama-sama dengan etnik/kaum yang berlainan. Begitu juga responden berpersepsi bahawa pelajar dari etnik/kaum yang sama akan duduk dalam satu kelompok semasa mereka menghadiri kuliah dan pelajar dari etnik/kaum yang berlainan biasanya tidak bersedia atau tidak bekerjasama untuk memberi bimbingan atau tunjukajar sekiranya mereka tidak memahami sesuatu topik di dalam kelas.

Keadaan ini dikukuhkan dengan kajian oleh Noran Fauziah Yaakob dan rakan-rakan (1984). Berdasarkan kajian hubungan kaum yang dilakukan didapati bahawa lebih ramai pelajar di sebuah IPTA suka bergaul dengan bangsa mereka sendiri. Keputusan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa lebih 57% daripada mahasiswa yang mempunyai ramai kawan yang terdiri daripada bangsa sendiri berbanding bangsa lain.

Menurut Mansor Mohd. Noor dan rakan-rakan (2001) satu pertiga dari pelajar di IPT merasakan kesulitan dalam membina persahabatan dengan etnik lain. Secara relatif pelajar di IPTS dibandingkan dengan IPTA, tanpa mengira etnik, lebih merasakan kesulitan untuk membina hubungan persahabatan dengan pelajar dari etnik lain Majoriti pelajar tidak menghadapi masalah untuk bersahabat dengan pelajar dari

etnik lain. Hanya satu pertiga dari pelajar dikaji merasakan kesulitan untuk membina hubungan persahabatan dengan pelajar dari etnik lain. Pelajar di IPTS lebih berhadapan dengan masalah membina persahabatan silang etnik dengan pelajar lain.

Terdapat hubungan yang positif yang signifikan untuk pembolehubah suasana/iklim interaksi antara kaum, tahap keselesaan interaksi antara kaum dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum. Ini bermakna suasana/iklim interaksi antara kaum yang positif akan memberikan tahap keselesaan berinteraksi antara kaum yang tinggi dan menunjukkan persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus yang positif. Begitu juga tahap keselesaan berinteraksi antara kaum yang tinggi menunjukkan suasana/iklim interaksi antara kaum yang lebih positif dan persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus yang lebih positif juga. Begitu juga persepsi hubungan antara kaum di dalam kampus yang positif menunjukkan tahap keselesaan berinteraksi antara kaum yang tinggi dan suasana/iklim interaksi antara kaum yang lebih positif.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan terdapat kecenderungan suasana/iklim interaksi antara kaum di dalam kampus yang lebih positif. Ini bermakna kurang wujudnya polarisasi kaum di kalangan mahasiswa dalam pergaulan kehidupan mereka sehari-hari di dalam kampus.

Berdasarkan kepada tahap keselesaan berinteraksi antara kaum di dalam kampus berada pada tahap sederhana dan tinggi. Mahasiswa dapat merasai tahap keselesaan kehidupan dalam hubungan antara kaum.

Mahasiswa berpersepsi bahawa hubungan antara kaum di dalam kampus lebih cenderung kearah positif. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak berpersepsi adanya suatu kehidupan yang terpecah belah disebabkan oleh perbezaan latar belakang kaum atau etnik mereka.

Terdapat hubungan positif yang signifikan antara pembolehubah iklim/suasana interaksi, tahap keselesaan dan persepsi terhadap hubungan antara kaum. Iklim/suasana interaksi yang positif mempunyai hubungan dengan tahap keselesaan yang tinggi dan sebaliknya. Iklim/suasana interaksi yang positif mempunyai hubungan dengan persepsi hubungan antara kaum yang lebih positif dan sebaliknya. Tahap keselesaan yang tinggi juga mempunyai hubungan dengan persepsi hubungan antara kaum yang positif dan sebaliknya.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Aziz, Rohani Ab. Ghani, Rusimah Sayuti, Mas Juliana Mukhtarudin & Asmadi Mohamed Naim, (2002) Patriotisme di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia, Pusat Penyelidikan dan Perundingan : Universiti Utara Malaysia. (tidak diterbitkan)
- Abdullah Taib (1984), *Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia*. Laporan Teknikal, Biro Perundingan dan Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Feagin, Joe R. (1996), *Racial and Ethnic Relations*. New Jersey : Prentice Hall Inc.
- Furnivall, John S. (1948), *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York : New York University Press.
- Hirschmen,C.(1972), *Ethnic Stratification In West Malaysia*. Michigan: University Microfilms, Inc.,Ann Arbor.
- Ibrahim Saad (1980), *Competing Identities in a Plural Society*. Singapore : The Institute of South East Asian Studies.
- Jeyaratnam Sundram (1989), *Race, Class and Uneven Development in Malaysia*. United State : University of Microfilms International ,Ann Arbor.

- Mack, D.E.& Tucker, Traci W.(1997), Interethnic Relation On Campus : Can't We All Get Along, *Journal of Multicultural Counseling and Development*, Vol. 25 Issue 4.
- Mansor Mohd Noor dan rakan-rakan (2001), Kajian Arah dan Tahap Pencapaian Perpaduan Negara Di Insitusi Pengajian Tinggi, Malaysia. Pulau Pinang : Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia.(tidak diterbitkan)
- Marger, Martin N. (2000), *Race and Ethnic Relations – America and Global Perspectives*. : Wadsworth.
- Mohamed Aris Othman (1969), *Ethnic Identity in Malay Community in Malaysia*. Urnana, Illinois : University of Microfilms International ,Ann Arbor.
- Noran Fauziah Yaakob, Teh Yik Koon dan Salma Ishak (1987), Faktor-faktor Yang Berkaitan Dengan Perhubungan Kaum – Kes Universiti Utara Malaysia dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Perpaduan Nasional 1987. Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Rabushka, A.(1968), *Ethnic Components of Political Integration in Two Malayan Cities*. Michigan : University Microfilms, Inc.,Ann Arbor.
- Rabushka, Alvin (1973), *Race and Politics in Urban Malaya*. California : Stanford University, Hoover Institution Press.
- Sanusi Osman (1989), *Ikatan Etnik dan Kelas Di Malaysia*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schermerhorn, R.A.(1970), *Comparative Ethnic Relations*. New York : Random House.
- Tan Chee Beng, (1982), Ethnic Relations In Malaysia dalam David Y.H Yu (ed.), *Ethnicity And Interpersonal Interaction – A Cross Cultural Study*, Singapore : Maruzen Asia.
- Winzeler,R.L.(1985), *Ethnic Relations in Kelantan – A Study of the Chinese and Thai as Ethnic Minorities in a Malay State*. Singapore : Oxford University Press.